

Khidmat Nasihat Mengenai Covid19

Kaunter Khidmat Nasihat (Pusat Khidmat Nasihat untuk mereka yang baru pulang dari luar negara dan yang ada kontak dengan pesakit)

Kami telah menubuhkan Kaunter Khidmat Nasihat Telefon, bagi menangani kebimbangan penduduk Prefektur akibat penularan wabak jangkitan Covid19 pada masa ini.



Pusat Kesihatan	Pusat Kesihatan dan Kebajikan Iwakuni	0 8 2 7 – 2 9 – 1 5 2 3
	Pusat Kesihatan dan Kebajikan Yanai	0 8 2 0 – 2 2 – 3 6 3 1
	Pusat Kesihatan dan Kebajikan Shunan	0 8 3 4 – 3 3 – 6 4 2 3
	Pusat Kesihatan dan Kebajikan Yamaguchi	0 8 3 – 9 3 4 – 2 5 3 3
	Pusat Kesihatan dan Kebajikan Yamaguchi, Cawangan Hofu	0 8 3 5 – 2 2 – 3 7 4 0
	Pusat Kesihatan dan Kebajikan Ube	0 8 3 6 – 3 1 – 3 2 0 3
	Pusat Kesihatan dan Kebajikan Nagato	0 8 3 7 – 2 2 – 2 8 1 1
	Pusat Kesihatan dan Kebajikan Hagi	0 8 3 8 – 2 5 – 2 6 6 7
	Pusat Kesihatan Bandar Shimonoseki, Shimonoseki *	0 8 3 – 2 5 0 – 7 7 7 8
	Bahagian Promosi Kesihatan Prefektur *	0 8 3 – 9 3 3 – 3 5 0 2

[Waktu Operasi] 9.00am - 5.00pm (layanan dalam pelbagai bahasa)

* Pada Sabtu, Ahad dan kelepasan umum, anda boleh ke Bahagian Promosi Kesihatan Prefektur, manakala penduduk Shimonoseki pula boleh ke Pusat Kesihatan Bandar Shimonoseki, Shimonoseki.

Rundingan Telefon bagi Orang Baru Pulang / Orang Ada Kontak (Pusat Khidmat Nasihat untuk mereka yang baru pulang dari luar negara dan yang ada kontak dengan pesakit)

Bagi anda yang merasakan anda telah dijangkiti Covid19, dan jika mempunyai gejala, **anda diwajibkan** untuk menelefon Pusat-pusat Kesihatan terdekat di atas **terlebih dahulu sebelum menjalankan pemeriksaan.**

Kami akan melayani kes-kes kecemasan walaupun di luar waktu operasi. Juga, jika perlu kami akan memperkenalkan agensi-agensi perubatan.

○ Mereka yang mempunyai gejala demam dan bersuhu badan 37.5 C ke atas yang berterusan 4 hari atau lebih.
(juga kepada mereka yang terpaksa sentiasa makan ubat menurunkan suhu badan)

○ Mereka yang mempunyai kelesuan kuat atau sukar untuk bernafas

* Orang tua, mereka yang mempunyai penyakit asas seperti diabetes, kegagalan jantung, penyakit pernafasan (COPD, dll.), dan yang menjalani dialisis, dan mereka yang menggunakan imunosupresan atau ubat antikanser, sila hubungi kami jika keadaan ini berterusan selama sekitar 2 hari.

* Mereka yang hamil, bagi keselamatan, sila dapatkan khidmat nasihat segera.



<Perhatian sebelum mendapatkan Khidmat Nasihat atau Pemeriksaan>

- Jika anda mendapati gejala demam seperti panas badan, dll., bercutilah dari sekolah atau kerja dan elakkan keluar rumah.
- Jika anda mendapati gejala demam seperti panas badan, dll., rekodkan bacaan suhu badan anda setiap hari.

Untuk mendapatkan maklumat terkini penularan wabak Covid19, sila rujuk laman web Kementerian Kesihatan, Buruh dan Kebajikan Jepun.

